

TARIKH : 22 OKTOBER 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

### Kadar inflasi bulan September catat 4.5%

# Kadar inflasi bulan September catat 4.5%

**PUTRAJAYA** – Kadar inflasi Malaysia pada bulan September mencatatkan sebanyak 4.5 peratus iaitu lebih rendah berbanding 4.7 peratus yang direkodkan pada Ogos lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, Malaysia mencatatkan kadar inflasi lebih rendah pada September berbanding beberapa negara terpilih seperti Zon Euro (10 peratus), Amerika Syarikat (8.2 peratus), Filipina (6.9 peratus), Thailand (6.4 peratus) dan Indonesia (6 peratus).

Menurutnya, bagi tempoh Januari hingga September pula, kadar inflasi adalah 3.3 peratus.

“Kenaikan pada September disumbangkan oleh peningkatan inflasi kumpulan makanan yang menyederhana kepada 6.8 peratus berbanding 7.2 peratus pada Ogos.

“Kenaikan yang perlahan bagi kumpulan makanan itu didorong oleh komponen makanan di rumah yang meningkat dengan sederhana iaitu 5.7 peratus berbanding 6.4 peratus pada Ogos,” katanya dalam kenyataan semalam.

Jelasnya, subkumpulan daging



**MUSTAPA**

yang merangkumi ayam, daging lembu, babi, kambing, kerbau dan itik turut mencatatkan peningkatan lebih perlahan kepada 6.6 peratus pada September berbanding 9.9 peratus Ogos lalu.

Mustapa berkata, walaupun kumpulan susu, keju dan telur mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 8.8 peratus pada September, namun ia masih perlahan berbanding peningkatan 9.4 peratus pada Ogos.

“Telur ayam menyumbang sebanyak 22.8 peratus kepada keseluruhan wajaran subkumpulan susu, keju dan telur,” katanya.